



## SIARAN AKHBAR

### **GARIS PANDUAN MENGENAI KETELUSAN DAN PENDEDAHAN PRODUK BAGI BANK ISLAM, BANK KONVENSIONAL, SYARIKAT KEWANGAN PENGENDALI TAKAFUL DAN SYARIKAT INSURANS**

---

1. Autoriti Monetari Negara Brunei Darussalam (AMBD) telah mengeluarkan garis panduan mengenai ketelusan dan pendedahan produk kepada institusi-institusi kewangan khususnya bagi bank Islam, bank konvensional, syarikat kewangan, pengendali Takaful dan syarikat insurans pada Hari Khamis, 5 Muharram 1441 bersamaan dengan 5 September 2019.
2. Berkuatkuasa pada 1 Januari 2020, institusi-institusi kewangan adalah dikehendaki untuk memberikan maklumat secara konsisten dan telus mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan mereka.
3. Di antara objektif garis panduan ini adalah termasuklah:
  - Mengalakkan kesedaran dan kefahaman pelanggan mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan;
  - Memudahkan pendedahan maklumat-maklumat yang penting secara konsisten berhubung produk dan perkhidmatan bagi membolehkan pelanggan membuat perbandingan;
  - Mengelakkan salah laku di dalam penjualan produk dan perkhidmatan; dan
  - Memastikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah bersesuaian mengikut keperluan pelanggan.
4. Lembaran pendedahan produk (*product disclosure sheet*) yang mengandungi maklumat-maklumat penting (tidak terhad kepada ciri-ciri, faedah, risiko, yuran dan caj serta hak dan obligasi pelanggan) hendaklah diberikan kepada pelanggan-pelanggan bagi memudahkan mereka membuat perbandingan terhadap produk-produk yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan. Ini diharapkan dapat membantu pelanggan untuk membuat keputusan yang lebih bermaklumat.
5. Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2388388 atau e-mel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn).

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date: 18 Muharram 1441H / 18 September 2019M

Ref: AMBD/COMMS/3